

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 8 OGOS 2024

AKHBAR : BULETIN TV3

PAUTAN : <https://www.buletintv3.my/nasional/video-kerajaan-telah-tetapkan-gaji-permulaan-yang-perlu-dipatuhi-pihak-swasta-rafizi/>

### Kerajaan telah menetapkan gaji permulaan yang perlu dipatuhi pihak swasta – Rafizi



Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

KUALA LUMPUR: Kerajaan telah menetapkan gaji permulaan yang perlu dipatuhi pihak swasta di bawah Dasar Gaji Progresif.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kita sering merungut mengenai gaji, tetapi apabila ada peluang menaikkan gaji, kita tidak menggunakannya.

“Mana-mana majikan yang menaikkan gaji untuk mematuhi tangga gaji berkenaan layak mendapat insentif gaji progresif yang perlu dibayar kepada pekerja supaya kenaikan gaji itu ditanggung oleh kerajaan.

“Gaji permulaan mengikut kelayakan di bawah Dasar Gaji Progresif antaranya seperti berikut, jurutera mekanikal (RM3,380), jurutera awam (RM3,115), akauntan dan juruaudit( RM3,280),” katanya di Platform X, semalam.

Katanya, untuk senarai penuh gaji permulaan di bawah Dasar Gaji Progresif, muat turun Buku Panduan Gaji Pokok Permulaan dan Kenaikan Tahunan di <https://gajiprogresif.gov.my/>.